

19 JAN 2001

Mahathir-Lawatan

MAHATHIR LAWAT KILANG SHARP DAN UNIVERSITI

Oleh: D. Arul Rajoo

OSAKA, 19 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meneruskan lawatan kerjanya ke Jepun hari ini dengan mengunjungi sebuah kilang Sharp dan sebuah universiti yang memberi penekanan kepada teknologi maklumat.

Perdana Menteri memulakan lawatan hari keduanya dengan melawat persekitaran Kilang Paparan Cecair Kristal (LCD) Sharp di Tenri City di wilayah Nara, kira-kira sejam berkereta dari sini.

Dr Mahathir diiringi Presiden Sharp Corporation, Katsuhiko Machida.

Kilang itu mengeluarkan panel LCD dan merupakan sebuah daripada kilang teknologi yang terancang di dunia.

Aplikasi bagi LCD kini bukan setakat membuat mesin pengira dan jam digital tetapi meliputi produk lain seperti pemproses perkataan dan televisyen, malahan sistem video dalam kereta api.

Pada 1973, Sharp yang kini mempunyai enam kilang di Malaysia, memperkenalkan EL-8025, mesin pengira elektronik pertama di dunia yang mempunyai paparan LCD.

Selepas lawatan ke kilang itu, Dr Mahathir berlepas ke Universiti Osaka Electro-Communication di Kiyotaki untuk melawat Jabatan Media-Budaya Maklumat.

Di jabatan itu, Perdana Menteri meneliti kelas IT yang sedang dalam sesi dan melihat bagaimana pelajar menjalankan kerja animasi, filem, audio dan latihan bahasa.

Dr Mahathir kemudiannya akan berlepas ke bandar raya Osaka untuk menghadiri dialog dengan pelajar Malaysia yang menuntut di sekitar wilayah Kansai.

Terdapat 85 pelepas tajaan di wilayah itu, kebanyakannya mengikuti kursus kejuruteraan, sains dan berkaitan IT.

-- BERNAMA

AR AZZ LAT MAI